

INISIATIF LITERASI MAKLUMAT DI PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PUITM)

Shahidatul Akhmam Rambeli
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Selangor, Malaysia
Email: shahidatul@uitm.edu.my

Abstrak : Perpustakaan Universiti Teknologi MARA (PUiTM) terdiri dari 39 kampus di seluruh cawangan di Malaysia. Seramai 40 orang pustakawan terlibat secara langsung dalam menjalankan sesi Literasi Maklumat (LM). Komponen LM di PUiTM terdiri dari Kelas Literasi Maklumat (KLM), PhD Clinic, Taklimat / Orientasi, Chat with Librarian serta Khidmat Nasihat dan Rujukan. LM dijalankan secara bersemuka dan atas talian menggunakan platform Webex, Google Meet dan Microsoft Team. Sebanyak sebelas (11) modul KLM dibangunkan bagi menyokong penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran. Bagi meningkatkan LM dalam kalangan warga UiTM beberapa inisiatif dilakukan seperti program library outreach, siri webinar, jalinan kolaborasi dengan fakulti dan pusat tanggungjawab, promosi di pelbagai saluran, pendekatan bersasar kepada pelajar mengikut fakulti, pelantikan pegawai perhubungan perpustakaan dan fakulti. Selain itu, bagi meningkatkan teknik LM dikalangan pustakawan, latihan dan kursus yang bersesuaian diberikan dari semasa ke semasa. Melalui inisiatif ini, peningkatan penyertaan LM dapat dilihat melalui perbandingan penyertaan tahun 2021 dan 2020. KLM melihat peningkatan yang besar sebanyak 24% dengan penambahan peserta seramai 14,659 orang. Bagi khidmat nasihat dan rujukan peratus peningkatan sebanyak 5.5% berbanding tahun sebelum. *Chat with librarian* menunjukkan peningkatan sebanyak 10%. PhD Clinic@PTAR turut meningkat sebanyak 45% seterusnya bilangan peserta bagi taklimat dan orientasi bertambah seramai 3,210 iaitu sebanyak 5.1%. Inisiatif ini terbukti memberi kesan positif terhadap penerimaan LM dalam kalangan warga UiTM dan masyarakat luar.

Kata Kunci: literasi maklumat, inisiatif literasi maklumat, perpustakaan akademik, PUiTM, pustakawan

1 Pendahuluan

Perpustakaan akademik berperanan penting dalam menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di sesebuah universiti. Literasi Maklumat (LM) merupakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang diberikan oleh pustakawan di perpustakaan akademik kepada warga institusi pendidikan tinggi yang bertujuan untuk mendidik dan menyalurkan maklumat yang sahih dan ilmiah bagi keperluan pembelajaran yang berkualiti. Pelajar didedah dengan kaedah dan proses pencarian maklumat yang berkesan, tepat dan bermutu. LM ini juga dilihat penting kerana ia bukan sahaja digunakan dalam pembelajaran di peringkat universiti malah ia menyumbang terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Atas sebab ini juga LM masih mempunyai kepentingan dan diteruskan dengan penambahbaikan bagi semua perpustakaan akademik demi menyahut saranan *Association of College & Research Libraries (ACRL)* untuk membangunkan warganegara celik maklumat. Perpustakaan akademik sentiasa berusaha memastikan pelajar dan warga universiti diberi pendedahan dan kemahiran intensif bagi memastikan mereka berpengetahuan dan berkemahiran dalam menghasilkan penulisan yang bermutu tinggi.

Zurkowski (1974) pertama kali memperkenalkan terma LM dan menegaskan bahawa ia merupakan konsep yang sangat penting yang ditakrifkan dalam perpustakaan dan sains maklumat. Beliau turut menyatakan bahawa “orang yang terlatih dalam penggunaan sumber maklumat dan menggunakannya dalam urusan kerja boleh dipanggil celik maklumat”. Manakala, *Association of College & Research Libraries* memberi takrifan bahawa LM merangkumi “kebolehan mengenalpasti keperluan maklumat dan keupayaan mengesan, menilai dan mengguna secara berkesan sesuatu maklumat” (ACRL, 2016). Ini terbukti LM amat penting terutama di era lambakan maklumat pada masa kini yang menyukarkan sesuatu maklumat itu disaring dengan tepat. Seseorang yang mempunyai kemahiran LM mampu mengklasifikasi, memproses serta menilai sesuatu maklumat yang diperlukan bagi memperoleh sumber rujukan yang berkualiti (Lokman, 2015).

Melihat keperluan dan kepetingan LM, Perpustakaan Universiti Teknologi MARA (PUIiTM) sebagai sebuah perpustakaan akademik terbesar yang terdiri dari 39 kampus di seluruh Malaysia giat menjalankan pelbagai inisiatif bagi memberi pendedahan, pengetahuan dan menggalakkan pelajar dan warga UiTM mengikuti program LM yang dibangunkan secara komprehensif. Dengan kekuatan 40 orang pustakawan yang terlibat sepenuhnya dalam pelaksanaan LM ini, komitmen yang tinggi diberikan khusus untuk meralisasikan objektif, misi dan visi PUIiTM khususnya dan UiTM amnya.

Kajian Literatur

Perpustakaan akademik dan literasi maklumat

Kajian LM di perpustakaan akademik masih aktif dijalankan hingga hari ini antaranya di United States, Pakistan, Zimbabwe dan Malaysia oleh Julien, Gross, & Latham (2018); Iqal & Idrees (2022); Tshuma & Chigada (2018); dan Hashim, Mohamed Shuhidan & Anwar (2022) yang menunjukkan LM sinonim dengan perpustakaan akademik dan menjadi keutamaan dan proses pengajaran dan pembelajaran di sesebuah universiti. Julien, Gross, & Latham (2018) menyimpulkan perpustakaan akademik di United States berupaya mendidik pelajar bagi menghadapi cabaran pencarian dan pengumpulan maklumat. Manakala Iqal & Idrees (2022) meneroka amalan-amalan LM yang terbaik di Universiti Pakistan yang memberi kesan terhadap pembelajaran pelajar. Melalui amalan terbaik LM, kaedah penyampaian dapat ditingkatkan bagi memenuhi keperluan pelajar dan warga universiti. Ini yang selalu dititikberatkan oleh mana-mana universiti dalam memastikan LM dapat disampaikan dengan efektif dan efisien. LM dilihat merupakan aspek penting dalam sesebuah universiti akademik kerana ia dapat melengkapkan pengetahuan komuniti universiti dengan pencarian maklumat dan penggunaan maklumat yang tepat (Tshuma & Chigada, 2018). Kajian oleh Hashim, Mohamed Shuhidan & Anwar (2022) melihat adanya kaitan antara keberkegunaan penggunaan portal perpustakaan dan perkhidmatan maklumat dalam proses pembelajaran LM di perpustakaan.

Kertas kerja oleh Nor Asiah (2017), Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM bukan sahaja memfokuskan program LM kepada warga universiti semata-mata malah melihatkan kepentingan dan keberkesanan program dalam membentuk masyarakat bermaklumat, ia diperluaskan kepada komuniti setempat bertepatan dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 bagi membudaya pembelajaran sepanjang hayat. Tambah Nor Asiah lagi, LM maklumat bukan sahaja memfokus kepada strategi dan kaedah pencarian maklumat yang tepat malah ia dapat membantu universiti dan komuniti menghasilkan penulisan ilmiah yang berkualiti. Peranan perpustakaan dalam mendidik warga universiti melalui LM tidak dapat disangkal dan ia menjadi kayu pengukur penghasilan penulisan ilmiah sesebuah universiti. Perpustakaan di universiti mempunyai cabaran besar dalam melengkapkan graduan yang berkemahiran dalam persekitaran lambakan maklumat di era digital (White, 2021).

Bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan berpengetahuan tinggi serta disegani, ia lahir dari pelajar yang mempunyai pelbagai kemahiran serta mampu berfikir secara kritis. Selain itu mereka juga dapat mengemukakan idea-idea bernas dalam menyelesaikan permasalahan serta memastikan proses pembelajaran sepanjang hayat diteruskan walaupun telah menamatkan pengajian (Haberle, 2002). Matlamat utama sesebuah institusi adalah melahirkan pelajar dan penyelidik yang celik maklumat, justeru kebanyakan perpustakaan universiti di negara barat telah menggabungkan LM dalam sistem pendidikan universiti (El Hassani, 2015). El Hassani turut menambah, walaupun LM berjaya digabungkan dalam sistem pendidikan universiti namun kaedah pelaksanaan masih di tahap konvensional. Justeru, perpustakaan akademik perlu mencari inisiatif baharu bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran LM dalam kalangan warga universiti.

PUIiTM turut meletakkan LM sebagai satu elemen penting dalam memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penulisan bagi warga UiTM. Melalui 11 modul yang diperkukuh malah diperkasa pelaksanaannya melalui tenaga pengajar yang berkemahiran dalam kalangan pustakawan PUIiTM, LM dipergiat keseluruhan warga terutama pelajar baharu dan penyelidik muda. Melihat kepada kepentingan LM yang menyokong pembelajaran sepanjang hayat, PUIiTM memperluas skop LM tidak hanya kepada pelajar malah ke seluruh staf pentadbir dan akademik malah kepada masyarakat umum. PUIiTM sentiasa komited dengan arahan pengurusan tertinggi dan keperluan universiti terutama bagi meningkatkan ketampakan penulisan ilmiah bagi mencapai *Globally Renowned University 2025*.

Pustakawan dan literasi maklumat

Pustakawan bertanggungjawab dalam melaksanakan LM kepada warga universiti. Pustakawan memperuntukan masa, tenaga dan usaha bagi memastikan LM yang disampaikan mencapai objektif yang ditetapkan. Amalan LM yang baik di peringkat universiti memerlukan penglibatan aktif pustakawan memberi didikan dan berupaya membuktikan kepentingan LM kepada warga universiti (Flierl & Maybee, 2020). Selain itu, Flierl & Maybee percaya terdapat pelbagai kaedah untuk pustakawan melaksanakan LM sama ada melalui permohonan Kelas Literasi Maklumat (KLM), konsultasi secara individu atau dalam kumpulan kecil, berhubung melalui pelbagai platform dan lain-lain kaedah agar pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan kepada warga universiti. Jika dahulu LM dijalankan secara bersemuka, namun kini dengan perubahan global dan peningkatan teknologi, LM dapat diberikan secara atas talian. Ini bagi memastikan LM dapat diteruskan kesinambungan mengikut peredaran zaman. Ini berlaku ketika dunia dilanda pandemik Covid-19 yang memerlukan pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara pendidikan jarak jauh (ODL), pustakawan turut berdepan cabaran dan tangkas menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran baharu (Abidin et al., 2021). Ini diperkukuhkan lagi dengan pernyataan oleh Reale (2021) di mana pustakawan dilihat berjuang dalam menyampaikan LM yang berkesan kepada pelajar dan fakulti serta ia bukan sesuatu yang mudah. Pelbagai usaha dan inisiatif dilakukan agar pelajar diberi pendedahan kepentingan dan keberkesanan LM dalam pembelajaran walaupun mereka tidak berada di universiti.

Pustakawan PUiTM turut tidak berkecuali berdepan situasi yang sukar namun tindak balas yang pantas dilakukan melalui penambahbaikan platform *chat with librarian* atau sembang maya untuk terus berkomunikasi dengan pelanggan. Di samping itu KLM turut dijalankan secara atas talian bagi memastikan LM disampaikan dengan berkesan. Perubahan pengajaran yang ditangani oleh pustakawan iaitu dari bentuk konvensional ke maya bertujuan mengekalkan interaksi antara pustakawan, pelajar dan fakulti. Ini merupakan kaedah yang diterapkan dalam sesi LM secara atas talian bagi mengekalkan usaha adanya sentuhan manusia secara virtual (Budhai & Williams, 2021). Pustakawan PUiTM menjadikan platform chat adalah terbaik untuk berinteraksi secara meluas kepada seluruh warga UiTM. Hunter et al. (2019) menegaskan pustakawan yang meneruskan LM melalui sembang maya merupakan amalan terbaik untuk pembangunan pengajaran dan pembelajaran kepada warga institusi. Ini diperkukuhkan lagi dengan pernyataan daripada Rath (2022) iaitu LM merupakan amalan sosial bagi pengajaran oleh pustakawan akademik.

Inisiatif literasi maklumat

Banyak perpustakaan akademik menjalankan pelbagai inisiatif dalam melaksana LM. Nisha & Varghese (2021) mendedahkan pelbagai inisiatif baharu diperkenalkan di peringkat pendidikan tinggi dan masyarakat di India bagi meningkatkan kemahiran LM yang bertujuan menggunakan sumber pengetahuan secara optimum. Ini turut disokong oleh El Hassani (2015) dimana Perpustakaan Mohammed VI, Universiti Al Akhawayn di Maghribi menjalankan inisiatif literasi maklumat bagi membolehkan penyelidikan dan pembelajaran berterusan. Ia menggalakkan aktiviti tanggungjawab sosial kepada masyarakat di samping meningkatkan aktiviti pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan melalui bengkel, kursus, kelas, webinar dan *library outreach*. Perpustakaan ini turut menjalankan kerjasama yang baik dengan pihak fakulti disamping menjalankan orientasi perpustakaan pada setiap awal semester. Inisiatif LM di Perpustakaan Mohammed VI menampakkan hasil yang positif di mana 87 sesi pengajaran telah dijalankan dengan bilangan pelajar seramai 1,506 orang bagi tahun 2012-2013. Melalui inisiatif tersebut ia turut membuktikan peranan LM sebagai hab pembelajaran kepada pelajar dan fakulti. Atas sebab itu juga PUiTM komited dalam merangka dan melaksana pelbagai inisiatif dari semasa ke semasa bagi memastikan penglibatan warga UiTM terhadap LM ditingkatkan. Inisiatif PUiTM ini adalah selari dengan perkembangan teknologi dan ia adalah usaha bagi merencanakan penggunaan perkhidmatan perpustakaan yang optimum (Perpustakaan Tun Abdul Razak, 2021) seterusnya menjadikan perpustakaan digital PUiTM sentiasa relevan, dirujuk dan dihormati.

Pelaksanaan LM berdasarkan model Big6 yang digunakan secara meluas oleh semua perpustakaan di pelbagai peringkat. Model ini dibangunkan oleh Mike Eisenberg and Bob Berkowitz yang berupaya menggabungkan kemahiran pencarian dan penggunaan maklumat yang sistematik melalui peralatan teknologi dalam proses mencari, mengguna, mengaplikasi dan menilai sesuatu maklumat (Eisenberg & Berkowitz, 2001).



Rajah 1. Model Big6
Sumber - Eisenberg & Berkowitz, (2001).

2 Perbincangan

Komponen literasi maklumat di PUiTM

PUiTM mengariskan beberapa komponen yang terkandung dalam LM iaitu:

- i. Kelas Literasi Maklumat (KLM)
- ii. PhD Clinic@PTAR
- iii. Chat with Librarian
- iv. Khidmat Nasihat dan Rujukan
- v. Taklimat pelajar & staf baharu
- vi. Orientasi perpustakaan

Kelas Literasi Maklumat

PUiTM berjaya membangun dan menawarkan 11 modul KLM yang komprehensif meliputi keseluruhan peringkat pengajian. Ia disusun khusus bagi memenuhi keperluan pengajian dan pembelajaran yang diperlukan di peringkat universiti malah ia turut menyokong pembelajaran sepanjang hayat. Warga boleh membuat permohonan secara atas talian melalui sistem yang dibangunkan sendiri oleh kepakaran dalaman PUiTM. Setiap sesi dijalankan selama 2 jam secara percuma mengikut tarikh, hari dan masa tempahan peserta. Diakhir sesi peserta perlu memberi penilaian terhadap keberkesanan program. Penilaian ini juga bagi melihat mutu pengajaran tenaga pengajar untuk ditambahbaik.

INFORMATION LITERACY CLASS

Want to learn how to find references easily? Let's Join Our **Information Literacy Class**

Booked your slot
<https://ekkm.uitm.edu.my/>

SCAN ME

MODULES AVAILABLE

✓ LSC100: INTRODUCTION TO LIBRARY SYSTEM	✓ LMS300: LIBRARY MANAGEMENT SOFTWARE (ENDNOTE)
✓ LSC101: INTRODUCTION TO ELECTRONIC RESOURCES	✓ LMS301: LIBRARY MANAGEMENT SOFTWARE (MENDELEY)
✓ LSC102: ONLINE DATABASE FOR LITERATURE	✓ LMS302: EASY WRITE WITH MICROSOFT WORD
✓ LSC200: ADVANCED LITERATURE SEARCH (SCOPUS)	✓ LSA400: PUBLICATION ETHICS & PUBLISHING TOOLS
✓ LSC201: ADVANCED LITERATURE SEARCH (WOS)	✓ LSA401: OPEN ACCESS FOR SCHOLARLY PUBLICATION
	✓ LSA402: GOOGLE SCHOLAR & GOOGLE DRIVE

Rajah 2. Modul Kelas Literasi Maklumat PTAR

PhD Clinic@PTAR

PhD Clinic@PTAR buat masa ini hanya tertumpu di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Shah Alam sahaja. PhD Clinic@PTAR merupakan sesi konsultasi percuma yang memberi tumpuan kepada bimbingan dalam penyelidikan dan penulisan terutama kepada pelajar pasca siswazah secara perseorangan atau dalam kumpulan kecil. Berkonsepkan waqaf ilmu oleh para pensyarah FPM, ia merupakan inisiatif pustakawan PTAR bersama Profesor Dr Norliya Ahmad Kassim pensyarah dari Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM), UiTM. Sesi dijalankan secara individual atau kumpulan kecil pada setiap Selasa dan Rabu selama 3 jam.

Chat with Librarian

Merupakan platform komunikasi dan konsultasi sembang maya bagi menjawab sebarang pertanyaan warga universiti yang berkaitan dengan pencarian maklumat, dapatan sumber dan lain-lain yang berkaitan dengan kadar segera. Soalan yang tidak berjaya dijawab oleh pustakawan akan disalurkan terus ke emel pustakawan untuk diambil tindakan selanjutnya.

Khidmat Nasihat dan Rujukan

Perkhidmatan di meja rujukan secara konvensional yang masih diteruskan dengan memberi perkhidmatan secara bersemuka serta menjawab sebarang persoalan daripada pelajar dan penyelidik melalui lain-lain medium seperti telefon, emel, aplikasi *WhatsApp* dan media sosial. Ia direkodkan ke dalam *Reference Desk Management System (RDMS)* di mana sistem ini juga turut dibangunkan melalui kepakaran dalaman PUiTM hasil dari percambahan dan pencapaian inovasi.

Taklimat pelajar dan staf baharu

PUiTM turut menjalankan LM kepada pelajar dan staf baharu melalui taklimat perpustakaan. Ini penting bagi memberi pendedahan sewajarnya berkaitan sumber maklumat, koleksi dan perkhidmatan yang ditawarkan PUiTM bagi memudahkan warga memperoleh dan menggunakan maklumat yang sahih, berilmiah dan berkualiti. Taklimat ini diberikan tidak hanya tertumpu kepada mereka yang hadir secara fizikal di perpustakaan bagi melihat dan menggunakan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan malah turut dilakukan secara atas talian mengikut permintaan.

Orientasi perpustakaan

PUiTM turut terlibat dalam slot minggu orientasi pelajar baharu setiap awal semester bagi kemasukan pelajar baharu. PTAR mengambil peluang dan kesempatan orientasi ini menyampaikan LM yang asas bagi pendedahan umum kepada pelajar. Bermula fasa pandemik, orientasi disampaikan secara atas talian dalam bentuk interaktif.

PUiTM menggunakan pelbagai platform maya dalam penyampaian LM secara atas talian kepada warga UiTM seperti:

- i. Cisco Webex
- ii. Google Classroom
- iii. Google Meet
- iv. Microsoft Teams

Inisiatif literasi maklumat di PUiTM

PUiTM menjalankan pelbagai inisiatif bagi memastikan LM yang ditawarkan diketahui oleh setiap warga dan mengikuti program yang ditawarkan. Antara inisiatif tersebut termasuk:

- i. Menjalankan Program *Library Outreach*
- ii. Pelantikan Pegawai Perhubungan Perpustakaan & Fakulti / Pusat Tanggungjawab
- iii. Mengadakan siri webinar percuma
- iv. Jalanan kolaborasi dengan Institut Pengajian Siswazah (IPSiS)
- v. Promosi berterusan melalui emel, Facebook, WhatsApp / telegram group (*Liason Officer*, Majlis Perwakilan Pelajar, Pustakawan UiTM, Senat UiTM), telegram, blogspot, twitter dan lain-lain.
- vi. Meningkatkan kompetensi tenaga pengajar melalui kursus, *mock teaching* dan lain-lain.
- vii. *Targeted Approach* / pendekatan bersasar kepada pelajar mengikut Fakulti

Program *Library Outreach* melibatkan aktiviti seperti: Intellectual Discourse; Kunjungan Hormat ke Pejabat Dekan/Pengarah; Konsultasi Perkhidmatan Perpustakaan; Pameran dan Aktiviti Read@UiTM. Peluang ini diambil bagi menyampaikan maklumat terkini berkaitan perkhidmatan, koleksi dan kemudahan terkini perpustakaan kepada warga.

Pegawai perhubungan perpustakaan dilantik bagi menjalan tugas dan tanggungjawab seperti: Menghadiri aktiviti anjuran perpustakaan; Bertindak sebagai perantara bagi fakulti/bahagian/pusat bertanggungjawab dengan perpustakaan; Membantu pembangunan koleksi/sumber pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan; Melaksana program *library outreach* dan Melaksana program Read@UiTM di fakulti.

PTAR Shah Alam melalui jalinan kolaborasi bersama Institut Pengajian Siswazah (IPSiS) turut dijemput dalam setiap slot program anjuran IPSiS seperti *Research Skill Seminar & Thesis Boot Camp* dan lain-lain program yang berkaitan dengan penyelidikan dan penulisan kepada pelajar pasca siswazah secara semuka atau maya.

Pustakawan PUiTM yang bertindak sebagai tenaga pengajar turut diberi latihan dan kursus pengajaran peringkat asas yang mana penceramah adalah terdiri daripada pensyarah dari Fakulti Pendidikan UiTM. Ini bagi meningkatkan teknik dan kaedah pengajaran yang betul dan berkesan. Antara objektif kursus adalah: Memahami maksud dan kepentingan pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran; Mengenalpasti kepelbagaian pelajar yang boleh mempengaruhi keberkesanan latihan dan Menggunakan beberapa platform yang sesuai untuk pengajaran atas talian.

Targeted approach atau pendekatan bersasar merupakan inisiatif PUiTM dengan melihat keperluan pelajar dan fakulti. Mengkaji dari segi minat dan keperluan pelajar, pengkhususan subjek serta peringkat pengajian pelajar di fakulti untuk menggunakan pendekatan yang sesuai sepanjang LM disampaikan. Ini bagi memberi kefahaman yang jelas kepada pelajar. Contoh-contoh maklumat yang sesuai dan berkaitan dengan keperluan pelajar akan lebih memudahkan pelajar dan fakulti memperoleh maklumat yang lebih tepat serta memberi fokus dan minat terhadap LM yang disampaikan.

Pencapaian literasi maklumat di PUiTM

Inisiatif PUiTM dalam memperkasa LM dilihat berkesan dan menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Ini terbukti melalui pencapaian LM bagi perbandingan tahun 2020 dan 2021.

Jadual 1. Perbandingan pencapaian LM di PUiTM bagi tahun 2020 dan 2021.

Program LM	Jumlah peserta		Peningkatan (%)
	Tahun 2020	Tahun 2021	
Kelas Literasi Maklumat	60,704	75,363	24%
Khidmat Nasihat dan Rujukan	17,358	18,498	5.5%
Chat with Librarian	12,599	13,917	10%
PhD Clinic@PTAR	5	138	2660%
Taklimat & Orientasi	62,574	65,784	5.1%



Rajah 3. Perbandingan Pencapaian LM PUiTm Tahun 2020 & 2021.

3 Kesimpulan

LM merupakan komponen dan menjadi keperluan utama bagi sesebuah perpustakaan akademik dalam menyokong pengajaran, pembelajaran penulisan dan penyelidikan di universiti. Melalui inisiatif yang pelbagai dan pelaksanaan yang tersusun, terancang dan berfokus, PUiTm Berjaya menunjukkan hasil yang positif dengan peningkatan kehadiran dan penglibatan warga UiTM serta masyarakat luar ke LM. Menurut White (2021), LM mampu melengkapkan pelajar sesebuah universiti dengan kemahiran yang dianggap celik maklumat. Dengan kesemua komponen LM menunjukkan peningkatan positif, dapat disimpulkan bahawa perpustakaan akademik perlu mempelbagaikan inisiatif baharu dalam usaha meningkatkan penglibatan warga universiti ke arah celik LM.

Rujukan

- Abidin, M. I. B., Sulaiman, J., Abdullah, A., & Hussin, M. H. M. (2021). COVID-19 Response: Information Literacy Programme by Tun Abdul Razak Library, Universiti Teknologi MARA. *Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia 2021*.
- Association of College and Research Libraries (2016). *Framework for information literacy for higher education*. American Library Association. Retrieved from <http://www.ala.org/acrl/standards/ilframework>.
- Budhai, S. S., & Williams, M. (2021). Humanizing virtual library instruction: Anchoring teaching presence in online information literacy sessions. *Journal of Library & Information Services in Distance Learning*, 15(3), 204-217.
- Eisenberg, Mike and Bob Berkowitz. 2001. A Big6 skills overview. Retrieve from: <http://big6.com/pages/about/big6-skills-overview.php>
- El Hassani, A. (2015). The Role of Information Literacy in Higher Education: An Initiative at Al Akhawayn University in Morocco. *Nordic Journal of Information Literacy in Higher Education*, 7(1), 32-37.
- Flierl, M., & Maybee, C. (2020). Refining information literacy practice: Examining the foundations of information literacy theory. *IFLA Journal*, 46(2), 124-132.
- Haberle, N. (2002). Developing a theoretical evaluative framework for information literacy interventions: a South African initiative: perspectives on higher education. *South African journal of higher education*, 16(3), 21-30.
- Hashim, H., Mohamed Shuhidan, S., & Anwar, N. (2022). Measuring the Reliability Analysis of University Students' Utilization of Web-based Library and Information Services in Malaysian Academic Libraries. *Library Philosophy and Practice*, 6880.
- [Hunter, J.](#), [Kannegiser, S.](#), [Kiebler, J.](#) and [Meky, D.](#) (2019), "Chat reference: evaluating customer service and IL instruction", *Reference Services Review*, Vol. 47 No. 2, pp. 134-150.
- Iqal, S., & Idrees, H. (2022). The Current Status of Information Literacy Instruction in University Libraries of Pakistan. *New Review of Academic Librarianship*, 28(3), 303-320.
- Julien, H., Gross, M., & Latham, D. (2018). Survey of information literacy instructional practices in US academic libraries. *College & research libraries*, 79(2), 179.
- Lokman Mohamed. (2015). *Keberkesanan Kursus Literasi Maklumat di Perpustakaan UKM, Bangi*.

Prosiding Seminar Literasi Media dan Maklumat Kebangsaan 2022

- Nor Asiah Mohamad (2017). Program literasi maklumat: pembelajaran sepanjang hayat kepada pelajar sekolah menengah. *Jurnal PPM: Journal of Malaysian Librarians*, 11(8), 93-101.
- Nisha, N. B., & Varghese, R. R. (2021). Literature on Information Literacy: A Review. *DESIDOC Journal of Library & Information Technology*, 41(4).
- Perpustakaan Tun Abdul Razak. (2021). *Digital Library*. Retrieve from: <https://library.uitm.edu.my/en/pages/about/tun-abdul-razak/84-ptar/about>
- Rath, L. T. (2022). *Information literacy is a social practice: Refinement of a threshold concept for academic instruction librarians*. State University of New York.
- Reale M. (2020). *Meeting the Challenge of Teaching Information Literacy*. 1st ed. Chicago: ALA Editions.
- Tshuma, T., & Chigada, J. (2018). Analysing information literacy practices at selected academic libraries in Zimbabwe. *South African Journal of Information Management*, 20(1), 1-7.
- White, A. M. J. (2021). Information Literacy and Critical Thinking in Higher Education: Some Considerations. *Research anthology on developing critical thinking skills in students* 111-124).
- Zurkowski, P. G. (1974). The Information Service Environment Relationships and Priorities. *Washington, D.C.: National Commission on Libraries and Information Sciences*.